



LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

DPB50163 BUSINESS PROJECT

DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN

TAJUK: MYHOSTEL APP

NAMA	NO PENDAFTARAN
NURHAZIQA BINTI HESHAM	10DLS20F1006
MUHAMMAD TAZHIM BIN IDRUS	10DLS20F1023
NAZRUL LUFTI BIN NAZARUDDIN	10DLS20F1038
AHMAD HAIKAL HADI BIN AHMAD IZHAR	10DLS20F1039

JABATAN PERDAGANGAN
SESI 1 2022/2023

PENGESAHAN STATUS LAPORAN
AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantiaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “MyHostel App” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia : **SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM**

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Nama Penyelia Bersama : GOH WEI SIANG

Tandatangan Penyelia Bersama :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Nama Penyelaras : **DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF**

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *haziqah*

Nama : Nurhaziqah binti Hesham

No. Pendaftaran : 10DLS20F1006

2. Tandatangan : *tazhim*

Nama : Muhammad Tazhim bin Idrus

No. Pendaftaran : 10DLS20F1023

3. Tandatangan : *nzrullufti*

Nama : Nazrul Lufti bin Nazaruddin

No. Pendaftaran : 10DLS20F1038

4. Tandatangan : *haikalhadiii*

Nama : Ahmad Haikal Hadi bin Ahmad Izhar

No. Pendaftaran : 10DLS20F1039

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

APLIKASI MYHOSTEL APP

1. Kami,

Nurhaziqah binti Hesham (020731-01-0260),

Muhammad Tazhim bin Idrus (020714-02-0547),

Nazrul Lufti bin Nazaruddin (020711-02-0453) dan

Ahmad Haikal Hadi bin Ahmad Izhar (021221-08-0749) adalah pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Kami mengakui bahawa projek aplikasi MyHostel App dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harat intelek daripada pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek aplikasi MyHostel App kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :	
NURHAZIQA BINTI HESHAM	
No. Kad Pengenalan : 020731-01-0260	
MUHAMMAD TAZHIM BIN IDRUS	
No. Kad Pengenalan : 020714-02-0547	
NAZRUL LUFTI BIN NAZARUDDIN	
No. Kad Pengenalan : 020711-02-0453	
AHMAD HAIKAL HADI BIN AHMAD IZHAR	
No. Kad Pengenalan :021221-08-0749	
Di hadapan saya, (SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM)	
No. Kad Pengenalan :	

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

ABSTRAK

ABSTRACT

PENGHARGAAN

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

1.0 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1-2
1.2	Latar belakang Projek Inovasi	2-3
1.3	Penyataan Masalah	4-5
1.4	Objektif Projek Inovasi	5-6
1.5	Persoalan Projek Inovasi	6
1.6	Justifikasi Projek Inovasi	6-8
1.7	Skop Projek Inovasi	9
1.8	Kepentingan Projek Inovasi	10
1.9	Takrifan Istilah	10-11
1.10	Rumusan Bab	11

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Kajian Terdahulu	12-18
2.3	Rumusan Bab	18

3.0	ANALISIS PROJEK INOVASI DAN DAPATAN	
3.1	Pendahuluan	19
3.2	Maklumat Projek Inovasi	19
3.3	Proses Pembangunan Projek Inovasi	20-29
3.4	Pembaharuan dan Keunikan Projek Inovasi	29
3.5	Kaedah Kajian	30-31
3.6	Kesimpulan	32
4.0	DAPATAN DAN ANALISIS PROJEK INOVASI	
4.1	Pendahuluan	33
4.2	Analisis Situasi	33-40
4.3	Analisis Kewangan	40
	4.3.1 Kos penghasilan projek inovasi	40
	4.3.2 Peletakan harga projek inovasi	41
	4.3.3 Justifikasi kos pelaksanaan projek	41
4.4	Impak Projek	41-42
4.5	Pengkomersialan (target pengguna)	43
4.6	Rumusan Bab	43
5.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	44
5.2	Kesimpulan keseluruhan Projek	44-45
5.3	Cadangan Penambahbaikan	45-46
5.4	Limitasi Projek	46
5.5	Rumusan Bab	47
	RUJUKAN	48-49

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah mengubah gaya hidup manusia hari ini, salah satunya dalam mempermudah urusan pelajar di IPT dan kampus. Kesan dari Covid-19 telah mencetuskan norma baharu kepada rakyat Malaysia mahupun golongan pelajar untuk menggunakan aplikasi mudah alih untuk membantu dalam pelbagai urusan harian mereka. Penggunaan aplikasi mudah alih dapat menjadikan pelajar lebih peka dalam perubahan arus teknologi. Kajian dari pengkaji bertujuan untuk menyelesaikan masalah pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai dengan membangunkan aplikasi MyHostel App. Aplikasi berbentuk e-aduan ini iaitu MyHostel App dibangunkan khas untuk membantu menyelesaikan masalah pelajar asrama Politeknik Seberang Perai yang mengalami masalah kekangan masa untuk memberikan aduan terhadap sebarang kerosakan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah secara kualitatif iaitu temu bual dan secara kuantitatif iaitu melalui kaji selidik. Hasil dari kajian ini, pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai boleh membuat aduan dan melaporkan sebarang kerosakan di bilik. Pelajar hanya perlu membuat aduan dengan mengisikan butiran berkenaan aduan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Pelbagai fungsi disediakan untuk membantu pelajar memberikan aduan dan menggunakan aplikasi ini dengan lebih mudah. Aplikasi e-aduan ini menggunakan teknologi peranti mudah alih yang berlandaskan platform Java. Pelajar juga dapat menjimatkan masa dan tenaga apabila menggunakan aplikasi e-aduan ini. Secara keseluruhannya, aplikasi berbentuk e-aduan ini berjaya dihasilkan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Pada akhir proses penghasilan aplikasi mudah alih ini, diharap penggunaan MyHostel App ini dapat digunakan sebaiknya dan pelajar lain juga boleh mengaplikasikan pada masa hadapan.

ABSTRACT

The Covid-19 pandemic has changed people's lifestyles today, one of which is in simplifying student affairs at HEIs and campuses. The effects of Covid-19 have triggered a new norm for Malaysians and students alike to use mobile applications to help in their various daily affairs. The use of mobile applications can make students more sensitive to changes in technology. The study from the researcher aims to solve the problems of students who live in the Seberang Perai Polytechnic hostel by developing the MyHostel App application. This e-complaint application, the MyHostel App, was specially developed to help solve the problems of students living in the Seberang Perai Polytechnic dormitory who are experiencing time constraints to complain about any damage and problems faced by students to the dormitory office. This study uses a qualitative method that is interviews and a quantitative method that is through a survey. As a result of this study, students staying at the Seberang Perai Polytechnic dormitory can make a complaint and report any damage in the room. Students only need to make a complaint by filling in the details regarding the complaint and the problem faced by the student. Various functions are provided to help students submit complaints and use this application more easily. This e-complaint application uses mobile device technology based on the Java platform. Students can also save time and energy when using this e-complaint application. Overall, this e-complaint application was successfully produced and achieved the set objectives. At the end of the production process of this mobile application, it is hoped that the use of this MyHostel App can be used well and that other students can also apply it in the future.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project yang bertajuk MyHostel App, bagi Sesi 1 2022/2022.

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, Puan Sharipah Khadijah binti S.Hashim sebagai Pensyarah Kursus dan Puan Rozana binti Che Bidi sebagai Penyelia bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2022/2022.

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Aplikasi ini secara umumnya bertujuan untuk memudahkan para pelajar Politeknik Seberang Perai yang menetap di asrama untuk melaporkan sebarang aduan tentang kerosakan yang terdapat di bilik mereka. Aplikasi MyHostel App ini menguruskan segala aduan yang dibuat oleh pelajar dengan terus menghantar aduan mereka ke dalam sistem pejabat asrama Politeknik Seberang Perai.

Sebagai pengenalan, aplikasi ini menumpukan perbincangan utama iaitu latar belakang produk inovasi, pernyataan masalah, objektif produk inovasi, justifikasi produk inovasi, skop produk inovasi, kepentingan produk inovasi, takrifan istilah dan rumusan bab.

1.2 LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini bertujuan untuk membangunkan sistem penyelenggaraan untuk pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai. Projek inovasi ini juga dapat memudahkan urusan pelajar untuk membuat aduan jika ada sebarang kerosakan di dalam bilik asrama tersebut. Selain itu, dengan adanya aplikasi ini, pelajar juga akan menerima memo berkenaan informasi baharu yang dikeluarkan oleh pihak asrama. Dalam meniti arus kemodenan ini, pelajar lebih gemar untuk melakukan pelbagai perkara melalui teknologi dan aplikasi yang sudah sedia ada. Perkara ini juga dapat memudahkan urusan pelajar dalam melakukan sesuatu perkara dengan lebih efisien dan menjimatkan tenaga. Justeru, terbinanya projek ini adalah untuk memudahkan urusan pelajar memberikan aduan berkenaan masalah yang dihadapi kepada pihak pejabat asrama. Aplikasi ini akan menjadi satu sistem penting yang dapat digunakan oleh pelajar yang menetap di asrama untuk memudahkan urusan serta menjimatkan tenaga dan masa mereka. Selain itu, aplikasi ini juga akan menambahkan lagi kecekapan dalam penyimpanan data mengenai aduan dan masalah yang diberikan oleh pelajar melalui aplikasi ini dengan menjimatkan masa, mengurangkan penggunaan tenaga dan meminimumkan kesilapan. Sudah terang lagi bersuluh, dengan adanya aplikasi ini dapat disimpulkan bahawa sistem ini adalah penyelesaian terbaik yang sesuai untuk kegunaan pelajar yang menetap di asrama.

Impak teknologi telefon pintar dalam pelbagai aspek kini telah dirasai, tidak terkecuali institusi tinggi yang ingin menggunakan teknologi ini untuk kesenangan pelajar dan pihak lain dan memberi memanafaat kepada mereka. Manusia secara umumnya ingin segalanya dilakukan dengan mudah, begitu juga dengan pelajar yang ingin membuat aduan atau sebarang pertanyaan kepada pengurusan asrama dengan mudah dan tidak mengambil masa yang lama. Selain itu, mudah untuk pelajar membuat aduan tanpa perlu berjumpa dan beratur dengan panjang dihadapan pejabat asrama.

Kami telah memilih pelajar asrama Politeknik Seberang Perai untuk menjadi satu kajian bagi membangunkan aplikasi ini. Kami memilih pelajar asrama Politeknik Seberang Perai kerana pelajar terikat dengan jadual kelas yang padat yang menyukarkan kerja pelajar untuk pergi ke pejabat asrama untuk menyatakan sebarang aduan. Kaedah pelajar jika terdapat sebarang masalah di asrama adalah dengan cara pelajar harus pergi berjumpa pihak pengurusan di pejabat dan menyatakan masalah. Jika mereka perlu membayar ganti rugi, mereka harus membawa duit dan menyerahkan duit tersebut kepada pihak pengurusan asrama. Kesannya, pelajar terpaksa menunggu giliran mereka kerana terdapat ramai pelajar yang ke pejabat asrama atas pelbagai urusan tersendiri. Oleh itu, kami mengambil inisiatif lain dengan cara mencipta sebuah aplikasi untuk kegunaan pelajar jika terdapat sebarang masalah di asrama.



Rajah 1.1 menunjukkan pejabat Politeknik Seberang Perai.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Umum mengetahui bahawa pandemik Covid-19 pada tahun 2019 telah mengubah norma kehidupan manusia secara keseluruhannya. Hal ini kerana, pandemik ini sedikit sebanyak telah memberi impak kepada masyarakat. Ini akan menyekat segala aktiviti mereka untuk membuat sesuatu kerja. Secara keseluruhannya hampir separuh rakyat di Malaysia gemar menggunakan aplikasi mudah alih untuk menyelesaikan urusan secara atas talian bagi melindungi diri mereka dari terkena wabak korona virus iaitu Covid-19.

Pada 1 April 2022 kerajaan telah mengumumkan fasa peralihan kepada fasa endemik. Justeru, pelbagai sektor telah dibuka termasuk insituti tinggi. Walaupun fasa peralihan telah berkuat kuasa na mun rakyat perlu menjaga tatacara operasi standard (SOP). Pengkaji ingin menghasilkan aplikasi MYHOSTEL APP yang diharapkan boleh menggantikan kaedah membuat aduan secara manual. Hal ini diharapkan selepas berjaya diaplikasikan oleh pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai boleh memberi kesan kepada pihak lain yang ingin menggunakan aplikasi MyHostel App.

Melalui sesi temu bual bersama salah seorang pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai, pengkaji telah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka iaitu dalam proses memberikan aduan berkenaan masalah bilik dan lain-lain. Pelajar asrama kerap mengalami masalah untuk memberikan aduan kerana terlalu ramai pelajar yang beratur dan ingin menyelesaikan urusan di tempat yang sama. Pelajar asrama memerlukan sesuatu inovasi bagi memudahkan urusan mereka. Oleh itu, pengkaji mencipta sebuah aplikasi MyHostel App yang akan memudahkan urusan pelajar asrama. Dengan penggunaan aplikasi MyHostel App ini, urusan antara pelajar dan pihak pengurusan dapat dijalankan dengan baik.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menghasilkan sebuah aplikasi yang dinamakan MyHostel App. Aplikasi ini merupakan satu inovasi yang akan membantu memudahkan urusan dalam memberikan aduan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar secara lebih efektif, mudah dan menjimatkan masa.

Aplikasi MyHostel App diharapkan dapat membuktikan manfaatnya dalam mengubah keseluruhan pengurusan institusi pelajaran tinggi yang lain. Aplikasi yang dicadangkan akan membantu dalam mengurangkan masalah pelajar untuk mengeluarkan tenaga yang lebih untuk menunggu dihadapan pejabat asrama bagi memberikan aduan berkenaan masalah yang dihadapi.

1.4 OBJEKTIF PROJEK INOVASI

1.4.1 Objektif Am

Matlamat utama aplikasi ini adalah untuk memudahkan urusan para pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai untuk melaporkan masalah atau kerosakan di bilik dan memudahkan pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai dalam menerima sebarang informasi terbaharu supaya peraturan asrama dan larangannya dapat dipatuhi dengan kesesuaian yang telah ditetapkan.

Aplikasi ini dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang telah dihadapi oleh para pelajar asrama untuk melaporkan masalah kerosakan yang terdapat di bilik mereka kepada pejabat asrama. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan aplikasi MyHostel App yang boleh digunakan untuk terus melaporkan masalah kerosakan dengan sistematik di kamsis.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus adalah seperti berikut:

- a) Menenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar yang menetap di asrama Politeknik Seberang Perai dalam memudahkan proses melaporkan masalah kerosakan dan mendapat pengumuman dengan pantas.
- b) Membangunkan aplikasi MyHostel App bagi para pelajar asrama dalam memudahkan proses melaporkan masalah kerosakan dan penerimaan maklumat iaitu informasi terbaharu berkenaan asrama dan politeknik dengan lebih pantas.
- c) Untuk menjimatkan masa dan tenaga pelajar asrama untuk pergi ke pejabat asrama untuk beratur dan melaporkan masalah tersebut.

1.5 PERSOALAN PROJEK INOVASI

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan bagi projek inovasi adalah untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah pelajar asrama Politeknik Seberang Perai

- i.** Apakah Kelemahan pelajar politeknik seberang perai dalam memberikan aduan terhadap sebarang kerosakan barang di bilik atau masalah tersendiri.
- ii.** Bagaimanakah MyHostel App yang dihasilkan dapat membantu Pelajar asrama Politeknik Seberang Perai untuk menerima informasi dan maklumat terbaharu berkenaan hal ehwal asrama.
- iii.** Adakah penggunaan MyHostel App dapat memudahkan pelajar asrama untuk membuat aduan kerosakan dan mendapatkan info-info terbaharu berkaitan asrama dan politeknik.

1.6 JUSTIFIKASI PROJEK INOVASI

1.6.1 Pemilihan Fasilitas

Kemudahan penginapan di politeknik Seberang Perai terbahagi kepada 2 iaitu asrama lama dan asrama baru. Dibahagian asrama lama terdapat kamsis Nurani 1,2,3 dan Bestari 1 bagi kemudahan penginapan untuk pelajar Wanita, manakala kamsis Bestari 2,3,4,5,6 adalah untuk pelajar lelaki. Pelajar yang menduduki di asrama lama ini adalah pelajar senior yang layak untuk menetap di asrama. Selain itu, terdapat asrama PFI ataupun asrama baru dimana kemudahan penginapan di dalam kampus disediakan untuk pelajar lelaki iaitu di blok Gemilang, manakala pelajar wanita menetap di blok Madani di kamsis. Keutamaan kemudahan ini diberi kepada pelajar semester satu dan pelajar-pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menguruskan aktiviti-aktiviti pelajar. Pengkaji telah membuat pilihan untuk bekerjasama dengan Kamsis ini bagi mencapai beberapa objektif yang diinginkan. Disamping itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan satu produk secara inovasi iaitu aplikasi MYHOSTEL APP yang akan membantu dalam urusan aduan berkenaan sebarang kerosakan atau masalah yang dihadapi pelajar di bilik mereka. Penciptaan aplikasi MYHOSTEL APP ini juga dapat membantu dalam urusan pemberitahuan maklumat serta memo terbaharu yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan asrama.

1.6.2 ANALISIS SWOT (Strength Weakness Oppurtunities Threat)

Analisis SWOT telah digunakan sebagai medium untuk mengenalpasti keperluan serta peluang bagi menjalankan projek ini. Analisis SWOT merupakan satu kerangka atau kaedah untuk mengenalpasti dan menganalisa kekuatan (strength), kelemahan (weaknesses), peluang (opportunities) serta ancaman (threat) sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak pengurusan bagi sesebuah organisasi.

Maklumat yang digunakan bagi analisis SWOT ini adalah berdasarkan pemerhatian serta hasil temu bual diantara pengkaji dengan pelajar berkaitan isu serta keperluan penghasilan projek. Hasil daripada informasi yang diberikan oleh pihak organisasi pengkaji telah mengenalpasti projek inovasi yang dapat diaplikasikan untuk menangani isu yang berlaku. Pengkaji juga dapat mengenalpasti peluang serta ancaman yang mungkin terpaksa dihadapi untuk membangunkan projek inovasi

1.6.3 Kekuatan (Strength)

Aplikasi MyHostel App yang memudahkan pelajar yang menggunakan kemudahan asrama untuk membuat aduan berkenaan kerosakan fasiliti di dalam bilik pelajar. Aplikasi ini juga dapat mengurangkan tenaga kerja dan produk yang direka sepenuhnya menggunakan sistem aplikasi yang hanya boleh diakses oleh pelajar yang menetap di hostel dan asrama. Aplikasi ini dapat memastikan aduan yang diberikan oleh pelajar direkodkan oleh pejabat pengurusan asrama dan memunculkan notifikasi berkenaan maklumat dan memo terbaharu daripada pihak asrama.

1.6.4 Kelemahan (Weakness)

Aplikasi ini diciptakan khas untuk membuat aduan dan pemberitahuan informasi kepada pelajar serta kaedah membayar denda atas kerosakan kemudahan bilik yang berpuncakan oleh pelajar secara transaksi iaitu secara atas talian. Semua proses tersebut memerlukan signal yang kuat atau internet yang berkelajuan tinggi. Oleh itu pelajar yang perlu memberikan sebarang aduan atau membayar denda perlulah memastikan internet yang digunakan laju dan kuat untuk melakukan proses pembayaran.

1..6.5 Peluang (Oppurtunities)

Aplikasi ini boleh dikembangkan dipelbagai Institusi Pengajian Tinggi disebabkan ianya dapat memenuhi kemudahan bagi pelajar-pelajar yang menggunakan kemudahan asrama kerana jumlah pelajar yang menetap di asrama adalah sangat ramai dan boleh menyebabkan masalah kerana perlu beratur panjang dan menyebabkan kesesakan dibahagian pejabat asrama. Dengan wujudnya aplikasi ini adalah bagi memudahkan pelajar untuk memaklumkan sebarang masalah mahupun aduan kepada. Aplikasi ini dapat merekod segala masalah dan aduan yang diberikan oleh pelajar. Secara tidak langsung, dengan adanya aplikasi kami, pengurusan pelajar dalam memberikan maklumat dapat menaikkan imej asrama dan menjadikan segala urusan lebih sistematik.

1..6.6 Ancaman (Threats)

Aplikasi mungkin akan mengalami ancaman atau cabaran dari segi persaingan dengan produk yang lebih sistematik atau lebih berjaya yang terdapat di pasaran sekarang mahupun pasaran baru. Aplikasi ini akan lebih terancam apabila berlakunya pengeluaran produk yang sama daripada segi fungsi, target pengguna atau lain-lain yang boleh menyebabkan produk ini kurang diguna pakai dan diaplikasikan.

Jadual 1.1: Analisis SWOT

Kekuatan (Strength)	Kelemahan (Weakness)	Peluang (Oppurtunities)	Ancaman (Threats)
<ul style="list-style-type: none">•Menjimatkan masa•Sistem bayaran elektronik yang efektif dan mudah•Menudahkan urusan pelajar dalam memberikan memaklumkan sebarang masalah•Informasi dan sebarang memo pemberitahuan berkenaan kamsis diterima oleh semua pelajar.	<ul style="list-style-type: none">• Pengguna aplikasi perlulah mempunyai akses internet yang berkelajuan tinggi .• Pelajar perlulah celik teknologi maklumat (IT)	<ul style="list-style-type: none">• Dapat meningkatkan imej kamsis• Proses untuk merekod maklumat berkenaan aduan menjadi cepat dan tidak perlu beratur di pejabat.• Berpotensi untuk bersaing dengan aplikasi terkini.	<ul style="list-style-type: none">• Ketiadaan internet akan menyekat penggunaan aplikasi ini dan menyebabkan sistem akan tergendala

1.7 SKOP PROJEK INOVASI

Kajian ini secara umumnya dilakukan berdasarkan pelajar asrama politeknik seberang perai yang membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk membuat bayaran kerosakkan harta benda dan membuat aduan kerana terpaksa menunggu waktu kerja pejabat. Secara khususnya kajian ini berfokus kepada pelajar asrama Politeknik Seberang Perai. Pertama, dengan adanya aplikasi MyHostel App ini pelajar dapat membuat sebarang aduan atas kerosakan barang dan sebagainya. Kedua, pelajar menerima informasi terbaharu berkenaan maklumat atau info terbaharu yang dikeluarkan oleh pihak Politeknik dan asrama dengan lebih pantas. Walaubagaimanapun, kajian ini dibataskan dari dua aspek iaitu batas subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT iaitu strengths (kekuatan), weakness (kelemahan), opportunity (peluang) dan threats (ancaman) sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.8 KEPENTINGAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi yang dijalankan ini memberi kepentingan dari segi:

- a) Dengan wujudnya aplikasi MyHostel App ini ia dapat memudahkan pelajar dalam urusan untuk memberikan segala aduan berkenaan berkecuali fasiliti bilik kepada pihak pejabat asrama.
- b) Menjimatkan masa dan tenaga pelajar dalam urusan untuk melaporkan sebarang aduan atau masalah yang dihadapi.
- c) Dapat mengelakkan berlakunya kesesakan di hadapan pejabat asrama semasa waktu bekerja.
- d) Dapat mengelakkan pelajar berasa letih dan lesu kerana tidak cukup rehat akibat beratur panjang di pejabat asrama sepulangnya pelajar dari kelas.

1.9 TAKRIFAN ISTILAH

Berikut merupakan takrifan istilah yang berkaitan dengan projek inovasi yang telah dilaksanakan :

- a) Aplikasi
 - i. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat aplikasi ialah akronim bagi Wireless Application Protocol (Protokol Aplikasi Tanpa Wayar) ialah sesuatu system yang membolehkan pengguna mengakses internet dengan menggunakan telefon bimbit.
 - ii. Dalam kajian ini, aplikasi yang dihasilkan ialah Aplikasi MYHOSTEL APP yang dapat memudahkan urusan antara kakitangan pejabat dan pelajar.

- b) Notis
 - i. Pengumuman tentang sesuatu yang akan berlaku, pemberitahuan, kenyataan berkaitan asrama.
 - ii. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat notis bermaksud pengumuman tentang sesuatu yang akan berlaku, pemberitahuan, kenyataan.
 - iii. Dalam kajian ini, notis merujuk kepada notis perjumpaan pelajar asrama sekiranya pihak atasan ingin memberitau atau mengumumkan sesuatu kepada seluruh pelajar. Aplikasi MyHostel App ini dapat memudahkan pelajar untuk menerima sesuatu maklumat dengan hanya mengakses ke dalam MyHostel App.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menjelaskan kajian terdahulu yang berkaitan dengan bidang projek inovasi dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada pelajar dan kajian lepas untuk sesuatu kajian t erbaharu. Pengkaji mengenalpasti dapatandapatan penyelidik lain dalam bidang yang dikaji. Projek inovasi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dalam kamsis dan asrama politeknik seberang perai iaitu dengan mencipta satu apps yang dinamakan MyHostel App untuk memudahkan pelajar membayar denda yang dikenakan atas kerosakan harta benda asrama,memberi memo atau sebarang maklumat kepada pelajar.

2.2 KAJIAN TERDAHULU

A) Pengurusan Pelajar

Asrama merupakan tempat tinggal rasmi pelajar yang menuntut di pusat pengajian. Justeru itu, segala kelengkapan dan kemudahan infrastruktur mestilah sempurna bagi menjamin kualiti kehidupan mereka. Bagi merealisasikan matlamat ini, peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan asrama adalah amat penting disamping juga penglibatan oleh pelajar-pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelajar terhadap pengurusan asrama di asrama Politeknik Seberang Perai. Objektif utama yang ingin dicapai oleh pengkaji daripada kajian ini ialah untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar dan juga masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pelajar..Tujuan carian literatur adalah untuk mencari faedah mempunyai Sistem Pengurusan Pelajar dalam talian atau berasaskan Web untuk mengubah cara konvensional pengurusan rekod pelajar hari ini. Terdapat banyak faedah yang boleh kita perolehi melalui penggunaan Sistem Pengurusan Pelajar berasaskan web. Kebanyakan Sistem Pengurusan Pelajar berasaskan web yang dibangunkan dengan baik boleh memberi manfaat kepada semua pihak yang terdiri daripada guru, 89 pelajar Jurnal Gading, pentadbir sekolah serta ibu bapa kerana ia boleh membantu meningkatkan komunikasi antara mereka hanya melalui pelayar Web ("Sekolah Pengurusan" 2000).

Selain itu, Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar adalah satu sistem pengurusan maklumat berkomputer yang boleh menyimpan data - data pelajar dalam satu pangkalan data misalnya nama, nombor matrik, nombor kad pengenalan, dan maklumat pelajar. SMP merupakan sistem Stand-alone dan bukannya berasaskan web (web-based). Sistem ini secara keseluruhannya adalah bertujuan untuk membangunkan satu serta menyediakan sistem pemanggilan semula (retrieval system) dengan menggunakan kunci nombor matrik atau nombor kad pengenalan pelajar. Sistem ini dibangunkan berpandukan maklumat - maklumat yang diperolehi dari PUSPIT A. Secara ringkasnya, sistem ini mengandungi ciri-ciri mesra pengguna. Bahasa yang digunakan di dalam sistem ini adalah jelas terang dan mudah difahami. Pengguna juga boleh menggilakan menu panduan untuk membuat pilihan tertentu berdasarkan arahan - arahan yang dinyatakan pada menu. Selain itu, mudah dikendalikan Pengguna dapat meniasukkan data secara terus tanpa bergantung kepada huruf besar, huruf kecil atau tanda - tanda khas. Arahan - arahan yang dipilih atau dimasukkan dapat membenarkan pengguna keluar dari satu modul dan beralih ke modul lain. Menepati Keperluan Pengguna Sistem ini dapat menyimpan semua rekod pelajar dengan teratur, lengkap dan cepat, dengan itu ia akan memudahkan lagi kerja - kerja pengguna sistem. Mudah Dikembangkan Sistem ini juga mempunyai satu dokumentasi yang jelas dan terperinci agar sebarang perubahan atau perkembangan yang mungkin dibuat selepas sistem ini dibangunkan dapat dijalankan atau disambungkan dengan lebih mudah.

Pada masa sekarang, terdapat sesetengah pengguna sistem yang menggunakan kaedah secara manual di dalam menyimpan atau merekodkan maklumat - maklumat yang berkaitan dengan bidang tugas mereka. Walaupun sistem manual yang digunakan banyak membantu mereka, namun begitu masih banyak kelemahannya. Antaranya ialah, Banyak masa yang diperlukan untuk mencari maklumat - maklumat yang dikehendaki kerana pencarian ini dilakukan secara manual dan tidak sistematik. Selain itu, Untuk mengemaskini data - data atau maklumat memerlukan masa yang agak lama kerana perlu menulis semula dan pastinya memerlukan kos yang tinggi. Kerahsiaan data juga tidak terjamin kerana tidak ada satu sistem yang sistematik untuk membezakan siapakah pengguna yang berdaftar dan tidak berdaftar bagi tujuan capaian data. Oleh itu, dengan timbulnya pelbagai masalah dengan pengalaman sistem manual, maka wajarlah kerananya satu sistem yang canggih dibangunkan selaras dengan pembangunan teknologi maklumat masa kini. (Syed Abd Halim, Syed Ali. *Sistem maklumat pengurusan pelajar luar kampus SMPLK versi 1.0*/Syed Abd Halim Syed Ali. Diss. Universiti Malaya, 2002.)

B) Permohonan

Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar yang dibangunkan ini merupakan system berkomputer bersepadu yang akan membantu pelajar, pensyarah dan pihak pentadbir menjalankan tugas mereka dengan lebih sistematik dan lebih mudah. Segala masalah yang berkaitan dengan maklumat serta akademik pelajar dapat diatasi dengan mudah dan cepat. Oleh itu, di akhir projek ini pengkaji berhasrat dapat membangunkan sebuah sistem pengurusan maklumat pelajar yang merupakan salah satu usaha dan langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

Aplikasi mudah alih terdiri daripada perisian atau program yang berjalan pada peranti mudah alih dan melaksanakan tugas tertentu untuk pengguna. Aplikasi mudah alih ialah Segmen Teknologi Maklumat dan Komunikasi global yang baharu dan pesat membangun. Aplikasi mudah alih adalah mudah, mesra pengguna, murah, boleh dimuat turun dan boleh dijalankan dalam kebanyakan telefon mudah alih termasuk telefon yang murah dan tahap permulaan. Aplikasi mudah alih mempunyai kegunaan luas untuk kawasan berfungsi yang luas seperti panggilan, pemesejan, menyemak imbas, berbual, komunikasi rangkaian sosial, audio, video, permainan (Islam et.al, 2010).

Peranti mudah alih pintar (selepas ini, peranti mudah alih). platform pengkomputeran yang paling pesat berkembang dengan anggaran 1.6 bilion pengguna peranti mudah alih menjelang 2013 (berbanding anggaran semasa 2 bilion pengguna PC). Deras ini percambahan peranti mudah alih sejak lima tahun lepas telah secara dramatik mengubah platform yang digunakan untuk sosial, perniagaan, hiburan, permainan, produktiviti dan pemasaran menggunakan aplikasi perisian. Mengandungi global penderia kedudukan, ketersambungan wayarles, foto/video keupayaan, pelayar web terbina dalam, pengecaman suara, antara penderia lain, peranti mudah alih telah membolehkan pembangunan aplikasi mudah alih yang boleh menyediakan kaya, kandungan yang sangat setempat, memahami konteks kepada pengguna dalam peranti pegang tangan dilengkapi dengan pengiraan yang serupa kuasa sebagai PC standard. Namun, novel yang sama ini ciri/sensor yang terdapat dalam peranti mudah alih hadir baharu cabaran dan keperluan kepada pembangun aplikasi yang tidak ditemui aplikasi perisian tradisional. Gabungan kuasa pengkomputeran, akses kepada penderia onboard novel dan kemudahan aplikasi boleh diwangkan dan dipindahkan ke pasaran mempunyai menjadikan aplikasi mudah alih sebagai

platform pengkomputeran IT baharu. Untuk pembangunan. Walau bagaimanapun, percambahan pesat peranti mudah alih dan aplikasi telah mengatasi pendekatan kejuruteraan perisian yang disesuaikan dengan mudah alih kejuruteraan perisian aplikasi. Pendekatan kejuruteraan perisian tradisional mungkin tidak digunakan secara langsung dalam konteks peranti mudah alih. Pertama, mudah alih antara muka pengguna peranti (UI) menyediakan paradigma baharu untuk turutan interaksi manusia-komputer baharu (cth., antara muka berbilang sentuh, pengimbasan kod QR, pengecaman imej, realiti tambahan, dsb.) yang belum pernah berlaku sebelum ini diterokai dalam penyelidikan dan tiada UI yang ditetapkan garis panduan wujud, [Kedua, mudah alih divergen platform (cth., iOS, Android, Windows 10), Berbeza pembuat perkakasan untuk platform (mis., versi Android ditemui di HTC, Google, Samsung) dan telefon mudah alih dan platform tablet (cth., iPhone dan iPad Apple) mempunyai memerlukan pemaju untuk membuat satu siri yang sama aplikasi yang disesuaikan untuk setiap jenis peranti. Ketiga, yang kebaruan platform pengkomputeran mudah alih yang disediakan kedua-dua peluang dan cabaran yang unik. Sebagai contoh, Roman, Picco dan Murphy menegaskan bahawa "mobility mewakili jumlah keruntuhan semua kestabilan andaian" yang dibuat dalam kejuruteraan perisian. Dalam kertas kedudukan ini, kita membincangkan bagaimana ketiga-tiga ini faktor memberikan empat cabaran penting kepada mudah alih kejuruteraan perisian aplikasi yang penting untuk membolehkan reka bentuk dan pembangunan aplikasi mudah alih yang berkualitimenggunakan keupayaan yang disediakan oleh peranti mudah alih perkakasan dan platform. (Dehlinger, Josh, and Jeremy Dixon. "Mobile application software engineering: Challenges and research directions." *Workshop on mobile software engineering*. Vol. 2. 2011.)

Menguruskan aduan adalah sukar untuk dikendalikan, respons yang cekap aduan daripada pelajar boleh menjadi penunjuk untuk mengukur prestasi sesebuah organisasi. Kami telah memilih Politeknik Seberang Perai sebagai satu institusi yang menghadapi aduan harian daripada pelajar dan ibu bapa. Pada masa ini, mereka menggunakan borang manual untuk membuat aduan dan terima maklum balas melalui e-mel. Dalam kajian ini, kami membangunkan android berasaskan aplikasi mudah alih untuk menguruskan aduan pelajar. Dengan mudah alih aplikasi, pihak pengurusan boleh menghalang kehilangan borang aduan dan menjejaki daripada rekod. Sistem ini akan menghantar maklum balas dan pemberitahuan secara langsung melalui telefon bimbit pelajar (Illias, N., NH Abdul Hamid, and Z. A. Shaffiei. "PNSCares: The android based mobile application to manage student complaints." *Bulletin of Electrical Engineering and Informatics* 9.3 (2020): 1276-1283.)

C) Pengurusan Maklumat

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membawa kepada perubahan dan pembangunan yang drastik dalam pengurusan dan profesion maklumat. Dalam era pengurusan dan dapatan semula maklumat berlaku satu transformasi yang signifikan dari segi pengurusan, penyampaian dan penyebaran maklumat. Kesan dari fenomena letusan maklumat juga telah membawa kepada perubahan menyeluruh dari segi pendekatan yang dijalankan oleh sesebuah organisasi maklumat bagi mengumpul, mengurus, menyebarkan dan juga mempakej semula maklumat.

Dengan kewujudan perkhidmatan secara atas talian, pengguna generasi baru yang mahir menggunakan teknologi maklumat lebih selesa dan biasa menggunakan perkhidmatan atas talian dan aplikasi yang membolehkan mereka mengumpul, mengkategorikan, menyaring, memberikan sumber-sumber maklumat atas talian melalui Internet.

Kewujudan sistem maklumat pengurusan dalam pelbagai bidang telah memainkan peranan penting dalam prospek pengurusan data dan maklumat di seluruh dunia (Raymond, 2007). Walaupun sejarah perkembangan sistem maklumat pengurusan bermula di negara Barat, terutama di Amerika Syarikat, negara kita tidak ketinggalan daripada arus perdana ini (Ainin et al., 2002). Ia telah digunakan secara meluas sama ada dalam sektor swasta mahupun sektor awam.

Di Malaysia, sistem maklumat pengurusan kerajaan didapati terbahagi mengikut keperluan jabatan tertentu. Namun, pada dasarnya terdapat dua (2) sistem maklumat pengurusan yang telah diperkenalkan dikenali sebagai Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia Kerajaan Elektronik (Electronic Government Human Resources Management Information System EG-HRMIS/HRMIS) dan juga Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (Education Management Information System SMPP/EMIS).

Pengurusan maklumat adalah untuk mengenal pasti proses atau langkah yang terlibat dalam kedua-dua bidang. Tegasnya, Pengurusan Maklumat memberi tumpuan kepada "rancangan dan aktiviti yang perlu dilaksanakan untuk mengawal rekod organisasi" (Tempat & Hyslop, 1982).

Nuansa antara Pengurusan Maklumat dan Pengurusan Rekod dan Sumber Maklumat Pengurusan adalah halus kerana, seperti yang disebutkan sebelum ini, semua istilah ini cenderung digunakan silih berganti. Bagi Wilson (1989), Pengurusan Maklumat ialah pengurusan sumber maklumat sebuah organisasi dan melibatkan pengurusan teknologi maklumat. Choo (1998b) mencadangkan sebuah model proses pengurusan maklumat. Dibentangkan sebagai kitaran, Choo's model pengurusan maklumat memerlukan 5 langkah asas: pengenalanpastian keperluan maklumat, pemerolehan maklumat, organisasi maklumat dan penyimpanan, maklumat pendedaran dan penggunaan maklumat.

Menurut Huslid (2005) pengurusan ditakrifkan sebagai suatu seni bagi melaksanakan sesuatu kerja yang terancang melalui pelaksanaan secara sistematik, teratur dan mengikut garis panduan tertentu. Boiko dan Hartman (2010) menyatakan bahawa pengurusan maklumat adalah satu disiplin yang mentadbir akauntabiliti terhadap sistem dan proses dalam organisasi yang bertanggungjawab bagi pengwujudan, penyimpanan, pendedaran, dan penggunaan maklumat institusi. Manakala Abd Rahim Abd Rashid (2006) menakrifkan pengurusan maklumat sebagai satu keperluan yang amat penting kepada semua organisasi, syarikat dan sektor korporat. Jadi, pengurusan maklumat organisasi boleh didefinisikan sebagai proses mengenalpasti, klasifikasi, pemeliharaan dan pemansuhan maklumat sama ada maklumat yang diterima adalah benar dan betul di dalam sesebuah organisasi. Selain itu, Kampffmeyer (2014) menyatakan bahawa pengurusan maklumat ialah pengendalian yang menyeluruh dan penggunaan semua maklumat dalam suatu organisasi tanpa mengira lokasi, pengguna, pengarang, sumber, aplikasi, platform, kes penggunaan, format, perantara, dan masa. Oleh itu, pengurusan maklumat boleh didefinisikan sebagai proses mengenalpasti, klasifikasi, pemeliharaan, dan pemansuhan sumber maklumat yang diterima oleh sesebuah organisasi.

2.3 RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian literatur yang dibincangkan ini merangkumi bidang projek inovasi dgn penciptaan MyHostel App masalah- masalah yang dihadapi oleh belajar seperti dinyatakan dapat diselesaikan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

